

29 JUN 1998

Mahathir-Air

SEMUA NEGERI SETUJU KERJASAMA BEKAL AIR TANPA PINDA PERLEMBAGAAN

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Semua negeri hari ini bersetuju untuk mengadakan kerjasama pembekalan air antara negeri tanpa perlu mengadakan sebarang pindaan terhadap perlembagaan negeri masing-masing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata untuk tujuan itu mesyuarat pertama Majlis Air Negara (MAN) bersetuju supaya majlis itu dikenali sebagai Majlis Sumber Air Negara atau MSAN, menggantikan MAN, dengan urusetianya di Jabatan Kerja Raya.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu di Jabatan Perdana Menteri di sini, beliau berkata beberapa perkara lain turut dibincangkan termasuk cara air dari satu negeri dapat disalurkan ke negeri lain dan sama ada dikenakan bayaran bagi air mentah dan air yang telah dirawat.

Katanya, turut dibincangkan ialah mengenai air untuk kegunaan domestik, untuk penjanaan kuasa dan untuk pertanian.

Beliau berkata mesyuarat itu bagaimanapun tidak membuat sebarang keputusan mengenai perkara-perkara lain.

"Kita hanya bincang tetapi tidak membuat keputusan sebab ada yang kata air mentah tak perlu dibayar dan ada juga yang berpendapat ia perlu dibayar," katanya.

Ada juga pendapat bahawa sungai mengalir dari satu negeri ke negeri lain dan perlu diambil kira manfaat untuk kedua-dua negeri, kata beliau.

Dalam masalah ini, katanya, satu contoh ialah Kedah yang membekalkan air ke Pulau Pinang secara percuma tetapi Kedah mengenakan bayaran tertentu apabila membekalkan air ke Perlis.

Dr Mahathir berkata begitu juga bagi Johor yang membekalkan air mentah ke Melaka dengan mengenakan bayaran tetapi Negeri Sembilan yang juga membekalkan air ke Melaka tidak mendapat apa-apa bayaran.

Ketika ditanya sama ada dengan penubuhan MSAN, air yang di bawah bidang kuasa kerajaan negeri kini diletakkan di bawah Kerajaan Persekutuan, beliau berkata: "Air masih di bawah kerajaan negeri."

Ketika ditanya sama ada perlu diwujudkan satu grid nasional bagi rangkaian bekalan air seperti bekalan elektrik, Dr Mahathir berkata ia tidak perlu kerana kerjasama bekalan itu melibatkan antara satu negeri dengan satu negeri yang lain atau mungkin dengan dua negeri.

Mengenai tindakan semasa bagi memastikan bekalan yang mencukupi, beliau berkata tindakan setempat mesti diambil untuk memaksimumkan penggunaan air dan mengelakkan pembaziran serta air terbuang.

"Air ada... tetapi banyak berlaku pembaziran seperti paip bocor," katanya.

Ketika ditanya langkah kerajaan negeri menjamin air kawasan tadahan tidak diganggu, beliau berkata semua kerajaan negeri memberi jaminan tidak akan menjalankan pembangunan di kawasan berkenaan.

Beliau juga berkata dengan adanya hujan sekarang empangan-empangan telah mula dipenuhi semula tetapi di dalam keadaan yang memerlukan, kerajaan akan memberikan keutamaan pembekalan yang mencukupi untuk sektor perdagangan dan industri.

"Tetapi langkah itu tidaklah sehingga orang lain tidak mendapat bekalan air langsung," katanya.

Beliau menegaskan mesyuarat itu tidak boleh menyelesaikan masalah secara terperinci. Urusetia di JKR akan menyediakan kertas kerja terperinci

mengenai setiap perkara yang berbangkit.

Turut hadir pada mesyuarat kira-kira dua jam itu ialah menteri besar dan ketua menteri atau wakil-wakil mereka serta beberapa menteri termasuk Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding dan Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

-- BERNAMA

TM NMO